

# KRITERIA PENYELIDIK MUSLIM BERASASKAN KRITERIA KELAYAKAN MUFTI

Wan Mohd Khairul Firdaus bin Wan Khairuldin<sup>1</sup>



## ABSTRACT

*This article aims to identify and analyze the criteria that must be possessed by a Muslim researcher when conducting a research. The criteria will be reviewed through the conditions in becoming a mufti which have already been established by Islamic scholars. Mufti is a mujtahid who can derive Islamic laws from the resources within the rules of ijtihad. Researcher and mufti have one thing in common that is they analyzed the problem to be solved. The question is, what are the eligibility and requirements set by the scholars of Islam in becoming a mufti? Are the requirements suitable to be applied in determining the criteria of Muslim's researchers? This article aims to answer these questions through a textual analysis of a number of classical and contemporary literatures. The article focuses on two key points. Firstly, to identify the eligibility requirements of a mufti in Islam. Second, to analyze the eligibility criteria for a mufti to be apply as a criterion of the Muslim's researchers in conducting a research, especially research that related to Islam. The article found that there are four main requirements for the appointment of a mufti. Such conditions are Muslim, mukalaf, 'adalah*

---

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu, Terengganu

(fair) and mujtahid. The article also found that these conditions can be applied to the researcher especially Muslim's researchers and research related to Islam.

Keywords: Muslim, Mufti, Research, Islam

## ABSTRAK

Artikel ini berhasrat mengenal pasti dan menganalisis kriteria yang perlu dimiliki oleh seorang penyelidik Islam dalam menjalankan penyelidikan. Kriteria tersebut ditinjau menerusi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh ulama untuk menjadi seorang mufti. Mufti merupakan seorang mujtahid yang mampu mengistinbat hukum-hukum syarak daripada sumber ambilannya dengan menepati kaedah-kaedah berijtihad yang telah ditetapkan. Penyelidik dan mufti berkongsi satu perkara iaitu mereka meneliti permasalahan untuk diselesaikan. Persoalannya, apakah syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan oleh para ulama Islam untuk dilantik menjadi seorang mufti? Dan adakah syarat-syarat tersebut sesuai untuk diaplakasikan dalam penentuan kriteria penyelidik muslim? Artikel ini menjawab persoalan tersebut menerusi analisis tekstual terhadap beberapa karya klasik dan kontemporer. Artikel ini menfokuskan kepada dua perkara utama. Pertama, mengenalpasti syarat-syarat kelayakan seorang mufti dalam Islam. Kedua, menganalisis syarat-syarat kelayakan seorang mufti bagi diaplakasikan sebagai kriteria yang perlu dimiliki oleh seorang penyelidik muslim dalam menjalankan sesuatu penyelidikan terutama penyelidikan berkaitan Islam. Hasil dapatan mendapati bahawa terdapat empat syarat utama untuk dilantik menjadi mufti. Syarat-syarat tersebut ialah muslim, mukalaf, ‘adalah (adil) dan mujtahid. Dapatan juga mendapati syarat-syarat ini boleh diaplakasikan dan ditetapkan kepada seorang penyelidik terutama penyelidik muslim dan penyelidikan yang berkaitan dengan Islam.

Kata Kunci: Penyelidik, Mufti, Penyelidikan, Islam.

## PENDAHULUAN

Dalam meniti era perkembangan semasa, dunia Islam dilanda pelbagai permasalahan baru. Permasalahan ini timbul akibat daripada kemodenan teknologi mahupun perubahan suasana setempat. Apabila wujud permasalahan yang melibatkan hukum, maka penentuan hukum adalah suatu keperluan. Penentuan ini dinamakan sebagai fatwa. Untuk menjalankan tugas penentuan hukum ini, perlaksanaannya akan dijalankan oleh individu tertentu sahaja yang berkelayakan terutamanya mufti.

Untuk menjadi seorang mufti, kelayakan yang tinggi adalah diperlukan. Mufti merupakan satu tugas dan jawatan yang sangat penting dalam Islam. Al-Nawawi (1998: 13) telah membuat penegasan tentang rintangan yang akan dihadapi bagi seseorang yang dipilih menjadi seorang mufti. Oleh yang demikian, seorang mufti yang dipilih mesti mempunyai kelayakan yang telah ditetapkan.

Selain daripada pemutusan fatwa yang dijalankan oleh mufti, para cendekiawan Islam turut banyak menjalankan penyelidikan sama ada secara formal mahupun tidak. Penyelidikan yang dijalankan oleh mereka antaranya bertujuan untuk membantu menyelesaikan permasalahan semasa yang dihadapi oleh masyarakat terutama masyarakat Islam setempat. Jika diteliti secara kasar, proses menjalankan penyelidikan mempunyai hubungkait yang rapat dengan proses penfatwaan kerana kedua-duanya bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan semasa.

Persoalannya, apakah kelayakan yang diperlukan untuk menjadi seorang mufti? Adakah kelayakan seorang mufti boleh diaplikasikan kepada kriteria seorang penyelidik muslim?

Artikel ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang definisi dan kelayakan mufti dalam Islam. Bahagian kedua artikel ini pula menganalisis kelayakan mufti untuk diaplikasikan sebagai kriteria seorang penyelidik muslim dalam menjalankan penyelidikan.

## MUFTI DAN KELAYAKAN

Mufti merupakan rukun penting dalam fatwa selain daripada *mustafti* (penyoal), *Istifta*<sup>2</sup> dan *fatwa* ('Abd al-Karim Zaidan, 2006:140; al-Barawi, Muhammad Sa'id Muhammad, 2009:11). Husayn Muhammad al-Mallah (2006:2/577) menjelaskan mufti ialah seorang *faqih* yang bertanggungjawab menjelaskan sesuatu hukum Allah SWT pada sesuatu keadaan. Mufti juga merupakan seorang mujtahid yang mampu mengistinbat hukum-hukum syarak daripada sumber ambilannya dengan menepati kaedah-kaedah berijtihad yang telah ditetapkan.

Khalid Ramadan Hassan (1998:276) pula mendefinisikan mufti secara umum iaitu seseorang yang menjelaskan hukum syarak. Ahmad Ibn Hamdan al-Harrani (1380H/1984:4) dan Muhammad Ibrahim al-Hafnawi (1995:319-320) turut mendefinisikan mufti seperti Khalid Ramadan Hassan tetapi dengan sedikit penambahan. Beliau merujuk seorang mufti sebagai seorang yang mengkhabarkan atau menjelaskan hukum Allah SWT dengan pengetahuan tentang dalil-dalilnya kepada penyoal.

Berdasarkan definisi-definisi yang dinyatakan sebelum ini, seorang mufti berfungsi sebagai seorang yang bertanggungjawab untuk menjelaskan hukum-hukum syarak terhadap isu atau permasalahan yang diajukan oleh penyoal. Penjelasan hukum tersebut perlu menepati kerangka dan kaedah-kaedah *istinbat* hukum yang telah ditetapkan oleh para ulama Islam.

Sebagai seorang yang diberi mandat yang besar untuk menjelaskan hukum syarak kepada masyarakat Islam, seorang mufti tentunya mempunyai kelayakan yang tinggi bagi menyempurnakan tugasannya. Kelayakan yang diperlukan adalah untuk memastikan seorang mufti menjalankan tanggungjawab menjelaskan hukum syarak dengan sebaiknya dan menepati *maqasid syariah* (Abdul Muhibbin Mahmood, 2010: 20).

Bagi memastikan kejituan dan ketepatan dalam penentuan hukum, ulama telah membahagikan syarat kelayakan seorang mufti kepada dua kategori. Kedua-dua kategori ini perlu dipenuhi sebelum seseorang individu dilantik menjadi mufti. Kategori pertama berkaitan dengan sempurna keahlian atau kelayakan umum manakala kategori kedua

<sup>2</sup> *Istifta*' merujuk kepada soalan tentang sesuatu permasalahan daripada permasalahan-permasalahan syarak yang diajukan oleh *mustafti* (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2008:27)

berkaitan dengan keilmuan seseorang individu (Khalid Ramadan Hassan, 1998: 276).

Menurut Khalid Ramadan Hassan (1998: 276), sempurna keahlian yang dimaksudkan adalah seperti Islam, *Mukalaf*, *Adil*, *Warak* dan lain-lain. Manakala kategori kedua iaitu keilmuan yang merujuk kepada pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang untuk berfatwa. Keilmuan yang dimaksudkan ialah pengetahuan tentang al-Quran, al-Sunnah, *Ijma'*, khilaf-khilaf para ulama, *al-Qiyas*, Bahasa Arab dan sebagainya.

Al-Nawāwī (1998: 19) meletakkan sepuluh syarat kelayakan kepada seorang mufti. Syarat-syarat tersebut ialah *mukalaf*, Muslim, berkepercayaan, aman daripada sifat-sifat yang dicurigai, bersih daripada perlakuan fasik dan menjatuhkan maruah. Mufti juga mesti daripada kalangan fakih, berfahaman sejahtera, berfikiran jernih, betul urusannya dan cara istinbatnya, serta sentiasa bersikap kewaspadaan. Mufti juga dapat difahami tulisan dan isyaratnya walaupun daripada kalangan merdeka, hamba, wanita, buta, atau bisu.

Secara khususnya, ulama Islam bersepakat bahawa seorang mufti perlu memiliki empat syarat kelayakan utama. Syarat-syarat ini perlu dipenuhi bagi melayakkan seseorang untuk dilantik oleh pemerintah sebagai mufti. Syarat-syarat tersebut ialah Muslim, *mukalaf*, ‘*adalah* (adil) dan *mujtahid*. Perinciannya adalah seperti berikut:

### **Islam**

Menurut ‘Umar Sulaiman al-Asyqar (2004: 108), syarat paling utama bagi seseorang mufti ialah beragama Islam atau Muslim. Seorang mufti mesti daripada kalangan orang Islam. Mereka dipertanggungjawabkan untuk menjelaskan hukum berkaitan Islam apabila diajukan soalan. Islam yang dimaksudkan adalah merujuk kepada keimanan seseorang secara sepenuhnya kepada Allah SWT, Rasulullah SWT dan syariat Islam yang dibawa olehnya yang telah disampaikan (‘Abd al-Karim Zaidan, 1987: 152 dan Husin Muhammad al-Mallah, 2001: 579).

Pengeluaran fatwa adalah satu daripada ibadah bagi seorang mufti dan berkait rapat dengan ibadah penyoal mahupun masyarakat setempat. Orang bukan Islam tidak layak mengeluarkan fatwa kerana perbuatan mereka tidak dikira dan sia-sia (‘Abd al-Karim Zaidan, 1987). Bahkan, apabila berbicara tentang Islam, seharusnya mufti datang daripada kalangan Islam juga bagi mengelakkan kesesatan dan terpesong daripada jalan yang sebenar.

## Mukalaf

Mukalaf merujuk kepada keadaan seseorang yang telah baligh (sampai umur), berakal dan terhindar daripada larangan *syar'iyyah* (Qutb Mustafa Sanu, 2000: 440). Baligh ialah mencapai umur yang ditetapkan oleh syarak iaitu sekurang-kurangnya 15 tahun. Manakala berakal pula ialah seseorang yang mempunyai daya kemampuan untuk berfikir secara sempurna. Seseorang yang mempunyai dua sifat ini akan dinamakan sebagai mukalaf. Mereka dikira mempunyai *ahliyyah al-ada'* (kelayakan urus tadbir) yang sempurna ('Abd al-Karim Zaidan, 2006). Hailani Mujir Tahir (1998: 48) menyatakan *ahliyyah al-ada'* merupakan kelayakan seseorang untuk mengeluarkan tindakan percakapan atau perbuatan yang diakui oleh syarak. Apabila setiap perbuatan diakui syarak, mereka akan memperolehi ganjaran atas perbuatan baik dan hukuman sekiranya melakukan perkara yang bertentangan dengan syarak.

Menurut Wahbah al-Zuhaili (2001: 1157), golongan yang tidak mencapai tahap mukalaf tidak layak untuk memegang jawatan mufti. Golongan tersebut termasuklah kanak-kanak yang belum baligh dan *safih* (bodoh) atau gila. Mereka tergolong dalam kumpulan orang tidak dapat memahami dan menguasai *khitab* Allah SWT dengan sempurna. Oleh itu, disyaratkan bagi seorang mufti daripada kalangan mukalaf iaitu seorang yang telah baligh dan berakal. Kedua-dua perkara ini penting agar mufti yang dilantik dapat menguasai dan memahami *khitāb*<sup>3</sup> Allah SWT dengan kefahaman yang sempurna. Orang yang tidak mencapai tahap mukalaf, mereka tidak termasuk dalam kalangan yang boleh dipertanggungjawabkan, dipersoalkan atau dikenakan hukuman jika tersilap dalam berfatwa.

---

<sup>3</sup> *Khitab* merujuk kepada titah atau tuntutan Allah kepada mukalaf. Ia terbahagi kepada tiga iaitu pertama, *iqtida'* - tuntutan melaksanakan sesuatu perintah sama ada tuntutan tersebut pasti atau tidak. Maksud tuntutan pasti ialah wajib dan haram manakala tuntutan tidak pasti pula ialah sunat dan makruh. Kedua, *takhayir* - *khitab* Allah yang memberi pilihan kepada mukalaf sama ada hendak melakukan sesuatu atau tidak. Ketiga, *wad'i* - *khitab* Allah yang menunjukkan sesuatu sebagai sebab,syarat atau penghalang kepada sesuatu hukum.

### *al-‘Adālah<sup>4</sup>*

Seorang mufti turut diwajibkan mempunyai sifat *al-‘Adalah* yang membawa maksud adil (al-Nawawi, 1998: 17). Para sarjana dan ulama Islam bersepakat bahawa fatwa yang diputuskan oleh seorang tidak adil atau fasik berkaitan permasalahan agama ditolak walaupun mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan dengan permasalahan tersebut (al-‘Asyqar, 2004: 104 dan al-Khatib al-Baghdadi, 1996: 330).

Menurut al-Harrani (1984) dan Husayn Muhammad al-Mallah (2006: 2/580), syarat *al-‘Adalah* bagi seorang mufti merupakan satu kesepakatan para ulama. Ini kerana mufti merupakan orang yang menjelaskan sesuatu hukum Allah, maka tidak dapat tidak mufti tergolong daripada kalangan orang yang adil (al-Harrani, 1984). Adapun orang yang tidak adil digelar sebagai fasiq dan pandangan mereka tidak boleh dipegang sama sekali (al-Nawawi, 1998: 19; Ibn al-Salah, 2002: 85; al-Ghazali, 2008: 2/350, al-Zarkasyi, 2000:6/204)

Al-Khatib al-Baghdadi (1996: 330) menyokong pendapat ini dengan mengatakan para ulama tidak bercanggah sama sekali dalam syarat ini kerana orang fasiq tidak diterima pandangan mereka terutama perkara yang melibatkan urusan agama. Penerimaan pandangan-pandangan orang fasiq akan menambahkan kecelaruan terhadap hukum. Bahkan ia juga akan membawa kepada keraguan kepada institusi fatwa itu sendiri.

Menurut Wahbah al-Zuhaylī (2001: 1167), masyarakat atau mustafti yang ingin mengajukan persoalan kepada seorang mufti hendaklah menyelidiki keperibadian mufti tersebut iaitu memiliki sifat *al-‘Adalah*, alim dan sentiasa menjauhi perkara ditegah syarak sehingga boleh menghilangkan kepercayaan masyarakat kepadanya. Seorang mufti yang mengeluarkan fatwa perlu jujur dalam memindahkan hukum syarak daripada nas-nas tertentu kepada penyoal atau masyarakat setempat. Selain itu juga, adil juga bermaksud memiliki akhlak-akhlak Islam yang terpuji dan tidak mengikut hawa nafsu dalam mengeluarkan fatwa (al-Nawawi, 1998).

<sup>4</sup> *Al-‘Adalah* merujuk kepada perlakuan jujur seorang mufti dalam menyampaikan segala fatwa yang diputuskan. Kejujuran ini temasuklah dalam pemilihan dalil, kesahihan dan tidak cenderung kepada hawa nafsu. Para ulama menjelaskan *al-‘Adalah* termasuklah sentiasa menjaga kerahsiaan dan agama Islam selain elok maruah dan sentiasa menghindari perkara-perkara haram (Qutb Mustafa sanu, 2000: 280).

Terdapat sedikit perbezaan pendapat dalam kalangan para ulama terhadap penzahiran sifat al-'Adalah dalam kalangan para mufti. Pendapat yang paling zahir (diutamakan) ialah mereka tidak perlu mempamerkan sifat tersebut dengan syarat sifat tersebut sememangnya wujud dalam diri para mufti yang dipilih (Ibn Qudamah, 1993, al-Harrani, 1984).

### **Mujtahid**

Disyaratkan kepada seorang mufti daripada kalangan mujtahid. Mujtahid ialah seorang yang mampu berijtihad. Ijtihad daripada segi bahasa merujuk kepada kesungguhan dalam melakukan sesuatu merujuk kepada suatu usaha ('Abd al-Karim Zaidan, 2006, Wahbah al-Zuhaili, 2001 & Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali, 1997: 256).

Syarat mujtahid merupakan salah satu syarat kelayakan seorang mufti tanpa ada percanggahan dalam kalangan ulama Islam (Husayn Muhammad al-Mallah, 2006:2/582). Al-Baghawi seperti yang dinukilkhan oleh al-Suyuti (1983: 92) menjelaskan para ulama bersepakat tidak harus untuk seorang mufti yang bertaqlid untuk berfatwa. Ini kerana seorang mufti perlu mempunyai kemampuan untuk mengistinbat hukum-hukum syarak berdasarkan kepada dalil-dalil tertentu (Ibn Nujaim, 2002: 6/289 & Ibn 'Abidin, 2000)

Menurut 'Abd al-Wahhab Khalaf (1995), ijtihad pada syarak terbahagi kepada tiga maksud. Pertama, mencurahkan tenaga sepenuhnya untuk mendapatkan hukum syarak yang berbentuk amali dengan cara istinbat daripada dalil-dalil dan sumber syarak. Kedua, mencurahkan segala tenaga untuk mendapatkan hukum syarak daripada sesuatu dalil yang terperinci atau tafsili dari dalil-dalil syarak dan ketiga, Satu usaha seorang mujtahid mengerah segala kemampuan yang ada untuk memperolehi hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukalaf melalui cara yang ditetapkan oleh syarak. 'Abd al-Karim Zaidan (2006: 317) pula mendefinisikan ijtihad sebagai mengerahkan sepenuh usaha dan tenaga untuk menentukan hukum syarak.


Mujtahid merupakan syarat terpenting bagi seorang individu untuk dilantik menjadi mufti (al-'Āmidī, 1983: 255; al-'Ashqār, 2004: 54; dan Ibn al-Humām, 1938: 256). 'Ali Hasaballah, (1971: 94) meletakkan tiga syarat yang mesti dikuasai sebelum digelar sebagai mujtahid. Pertama, menguasai ilmu bahasa Arab sepenuhnya dan

mendalam sehingga mampu memahami gaya percakapan orang Arab. Kedua, menguasai ilmu berkaitan al-Quran dan al-Sunnah, serta segala isi kandungannya. Ketiga, menguasai ilmu berkaitan *maqasid al-syariah*, tatacara kehidupan dan uruf manusia.

Hussayn Muhammad al-Mallah (2006: 582) dan al-Khātib al-Baghdādī (1996: 332) telah menukilkan penjelasan Imam al-Shāfi’ī tentang syarat-syarat kelayakan seorang mufti. Imam al-Shāfi’ī menegaskan tidak harus bagi seseorang yang mengeluarkan fatwa melainkan seorang yang mengetahui secara mendalam tentang kitab Allah SWT, mengetahui *nasikh* dan *mansukh*, *muhkam* dan *mutasyabih*, *ta’wil* dan *tanzil*, *makkiyah* dan *madaniyyah*, apa yang dikehendaki dengan al-Quran dan apa yang telah diturunkan. Beliau juga perlu mempunyai ilmu mendalam berkaitan dengan Hadith Rasulullah SAW, tentang *nasikh* dan *mansukhnya* serta perkaitan antara hadis dan al-Qurān. Selain itu, mufti juga perlu mengetahui dengan mendalam dalam *lughah* (Bahasa Arab), syair-syair dan keperluan untuk memahami al-Qurān dan al-Sunnah melalui bahasa. Individu tersebut juga perlu mahir dengan ikhtilaf para ulama Islam dan mempunyai persediaan diri untuk mengeluarkan fatwa.

Namun, sekiranya tiada mujtahid yang wujud untuk dilantik sebagai seorang mufti, maka para ulama telah meletakkan syarat yang khusus. Ibn Nujaim (2002:6/289), Ibn ‘Abidin (2000:47) dan al-Fatawa al-Hindiyyah (2002:308-309) menyatakan sekiranya tidak mempunyai mujtahid sebagai mufti, pemerintah perlu melantik seorang yang mengetahui secara mendalam pendapat-pendapat para mujtahid. Mereka juga tidak dibenarkan untuk berfatwa kecuali dengan cara menyatakan pandangan-pandangan daripada para fuqaha sahaja. Perkara ini ditetapkan agar sesuatu fatwa yang dikeluarkan tidak bercanggah dengan syariat Islam sebenar yang datang daripada nas-nas syarak.

Daripada perbincangan, ternyata seorang mufti mempunyai syarat kelayakan yang perlu dipenuhi sebelum dilantik sebagai mufti. Kelayakan yang ditetapkan adalah untuk menjamin fatwa yang dikeluarkan bebas daripada segala kesilapan dan terpesong daripada maqasid syarak. Selain itu juga, syarat kelayakan yang ketat ini kedudukan mufti tidak tercemar akibat pengeluaran fatwa yang mengikut hawa nafsu semata-mata. Ringkasan daripada syarat kelayakan mufti dalam Islam digambarkan dalam rajah 1 di bawah.

**Rajah 1: Kelayakan Mufti Dalam Islam**

Rajah 1 di atas merupakan antara kriteria kelayakan yang diperlukan oleh seorang mufti untuk mengeluarkan fatwa. Antara syarat-syarat tersebut ialah mulim, mukalaf, adil dan mujtahid. Syarat-syarat ini dianalisis untuk melihat kesesuaian kriteria mufti ini bagi digunakan sebagai satu kriteria kepada penyelidik muslim yang menjalankan penyelidikan.

### **ANALISIS KRITERIA PENYELIDIK MUSLIM BERASASKAN KELAYAKAN MUFTI**

Jika dilihat kepada perbincangan tentang kelayakan mufti sebelum ini, kelayakan untuk dilantik menjadi seorang mufti adalah sangat ketat. Namun, dalam menjamin sesuatu fatwa yang dikeluarkan adalah tepat, maka kelayakan sebegini adalah satu keperluan. Oleh yang demikian, mereka membenarkan fatwa dikeluarkan oleh mufti yang dilantik atau ahli akademik yang berkelayakan sahaja. Daripada satu sudut, perkara ini dilihat penanda aras autoriti seseorang mufti dalam mengeluarkan fatwa. Mereka diibaratkan sebagai penyelesa masalah masyarakat setempat apabila mempunyai keraguan tentang sesuatu berkaitan hukum Syarak. Begitu juga dengan sesuatu penyelidikan. Penyelidikan

yang berkualiti adalah lahir daripada penyelidik yang memiliki kriteria yang baik. Oleh ini, perbincangan ini menganalisis kriteria seorang penyelidik muslim berdasarkan kepada kelayakan mufti.

Penyelidik merupakan tunjang utama setiap penyelidikan. Penyelidik yang baik akan menghasilkan penyelidikan yang berkualiti dan dapat menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Apabila berbicara tentang seorang manusia, mereka mempunyai latar belakang yang pelbagai sehingga membawa kepada perbezaan pada setiap gerak kerja yang dilakukan.

Penyelidikan pada hari ini biasanya terikat dengan etika-etika penyelidikan yang telah ditetapkan. Dalam kaedah penyelidikan lazim, terdapat beberapa etika yang dicadangkan kepada seseorang penyelidik dalam menjalankan penyelidikan antaranya adil, bebas, jujur, tolak ansur, sabar, dan lain-lain (Azizi Yahaya et. al, 2006:14-15 & Chua Yan Piaw, 2006: 23-33). Penyelidik juga perlu sentiasa menjaga kerahsiaan data dan identiti responden yang boleh membawa kepada kemudaratan jika penyelidikan yang dijalankan berkait dengan responden (Berg, 2009: 91, Frankfort-Nachmias dan Nachmias, 1992:83-84 & Azizi Yahaya et. al, 2006: 15).

Taylor, Sinha & Ghoshal (2008: 65) menambah, setiap responden dan data yang diperoleh perlu dihormati dan sebaiknya dijalankan perbincangan bagi mendapatkan keputusan yang lebih baik. Etika-etika penyelidikan turut dicadangkan oleh badan penyelidikan seperti badan penyelidikan antarabangsa APA (*The American Psychological Association*), ESRC (*Economic and Social Research Council*), ERA (*American Educational Research Association*), *American Psychological Association*, dan *American Sociological Association*. Antara saranannya ialah penyelidik menghindari daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan penyelidikan antaranya plagiat, memalsukan data dan menyebabkan kemudaratan kepada responden (Goddard & Melville, 2004:110; Ishak Mad Shah, 2003:62).

Walau bagaimanapun, masih tidak terdapat kriteria seorang penyelidik selain daripada etika yang dicadangkan bagi melaksanakan sesuatu penyelidikan. Berdasarkan kepada perkara ini, dapat ditafsirkan bahawa semua individu atau kumpulan layak menjalankan penyelidikan selagi etika penyelidikan yang ditetapkan diikuti dan digunakan sepanjang penyelidikan dilaksanakan.

Etika-etika yang dinyatakan pula adalah secara umum untuk semua penyelidikan. Penyelidikan berkaitan Islam atau yang dilakukan oleh orang Islam mempunyai hubung kait yang rapat dengan penfatwaan. Ini kerana, penyelidikan tersebut biasanya untuk menyelesaikan permasalahan sosial dalam kalangan masyarakat Islam.

Oleh yang demikian, terdapat beberapa perkara yang boleh dimanfaatkan sebagai kriteria penyelidik muslim berdasarkan kepada kelayakan seorang mufti. Berdasarkan kepada syarat kelayakan mufti, kriteria yang ditetapkan bukan sahaja berdasarkan kepada etika dalam menjalankan penyelidikan, bahkan mencerminkan kualiti seorang penyelidik daripada aspek-aspek lain yang berkaitan. Antara kriteria yang boleh diaplikasikan kepada penyelidik muslim adalah seperti berikut:

### **Pertama: Kepercayaan Agama Islam**

Seperti perbincangan lepas, seorang mufti perlu dilantik daripada kalangan muslim. Penyelidik muslim sememangnya beragama Islam. Namun, hanya dengan anutan, tidak menjamin mereka untuk mempercayai segala fenomena dalam dunia Islam termasuklah perkara-perkara ghaib. Oleh itu, penyelidik muslim yang menjalankan penyelidikan bukan sekadar menganut agama Islam, bahkan perlu beriman dan percaya secara sepenuhnya kepada Islam.

Kepercayaan yang dimaksudkan ialah wujudnya tuhan (Allah SWT) yang mentadbir alam dan mengakui kewujudan alam nyata dan alam ghaib berdasarkan kepercayaan umat Islam (Daud Rasyid, 1998: 93). Menurut Ismail Faruqi (2008), kepercayaan sepenuhnya kepada agama penting kerana manusia secara semula jadi mempercayai agama dan perkara-perkara berkaitan dengannya melalui budaya dan sejarah, bukan melalui akal fikiran semata-mata. Oleh itu, penyelidik Muslim yang menjalankan penyelidikan bukan sekadar menganut agama Islam, bahkan perlu beriman dan percaya secara sepenuhnya kepada Islam. Dengan anutan dan kepercayaan yang jitu tentang agama Islam, penyelidik Muslim dapat menjalankan penyelidikan yang bertepatan tuntutan agama Islam. Oliver, Paul (2010) menambah bahawa terdapat kepentingan dalam kepercayaan seseorang dalam agama. Kepercayaan agama akan memberi impak yang besar dalam penyelidikan terutama

dalam proses pengumpulan data. Perkara ini secara jelas dapat dilihat melalui kepercayaan penyelidik muslim terhadap alam ghaib yang akan membawa impak dalam proses penyelidikan.

Melalui kepercayaan sepenuhnya kepada Islam, seorang penyelidik Muslim yang melakukan sesuatu penyelidikan perlu memahami keperluan untuk menjalankan penyelidikan dengan tepat dan bermanfaat. Ini kerana, terdapat satu konsep dalam Islam yang berkisarkan kepada pembalasan. Sesiapa yang melakukan perbuatan baik, akan dibalas dengan kebaikan manakala sesiapa yang melakukan perbuatan buruk akan dibalas dengan keburukan. Firman Allah SWT:

مِنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

*Sesiapa yang membawa amal kebaikan, maka baginya sepuluh kali ganda yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahanan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahanan) yang sama dengannya; sedangkan mereka tidak dianiayai.*

(Surah al-An'am, 6:160)

Firman Allah SWT di atas menunjukkan tentang wujudnya pembalasan terhadap perkara yang dilakukan. Seorang penyelidik Muslim yang melaksanakan sesuatu penyelidikan perlu melaksanakan penyelidikan berlandaskan syariat Islam tanpa mengikut hawa nafsu agar dapat menyelesaikan permasalahan semasa sekali gus mendapat balasan baik atas perbuatannya. Kenyataan ini turut disokong oleh dua firman Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا

*Dan carilah pada apa yang dianugerahkan Allah SWT kepadamu (balasan) pada hari akhirat dan janganlah kamu lupakan baha-gianmu di dunia.*

(Surah al-Qasas, 28:77)

Firman Allah SWT lagi:

هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا إِحْسَانٌ

*Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik melainkan balasan yang baik juga?*

(Surah al-Rahman, 55:60)

Kedua-dua firman Allah SWT ini menunjukkan wujudnya pembalasan pada hari akhirat kelak pada perbuatan yang baik. Namun, pembalasan ini hanya diberikan kepada orang yang menganut agama Islam kerana agama Islam adalah sebenar-benar agama.

Bagi penyelidik bukan Islam pula, mereka sememangnya tidak berkait dengan pembalasan baik yang dijanjikan oleh Allah SWT seperti dalam firman-Nya sebelum ini. Namun, bagi penyelidik bukan Islam yang ingin menjalankan penyelidikan secara umum, kepercayaan tentang agama tetap mempunyai kesan yang besar dalam penyelidikan. Oliver (2010:102) misalnya telah membincangkan tentang kepentingan beragama ketika menjalankan penyelidikan. Beliau menyatakan kepercayaan agama akan memberi impak yang besar dalam penyelidikan terutama dalam proses pengumpulan data. Ini kerana, agama melampaui logik akal manusia. Penyelidik yang berfahaman ateis (tidak mempercayai agama) akan mempunyai masalah sekiranya penyelidikan tersebut melampaui logik akal manusia.

Menurut Abdul Rahman Haji Abdullah (2005:4), berdasarkan perspektif Islam pula, sesuatu ilmu yang diperoleh akan mempunyai perbezaan dan masalah sekiranya tidak didampingi oleh kepercayaan agama. Ini kerana agama bukan sahaja melihat sesuatu fenomena berdasarkan pancaindera semata-mata, tetapi turut melibatkan perkara-perkara yang tidak dapat dibuktikan dengan logik akal. Pendapat ini turut disokong oleh Willer (1970:241-242) yang mengaitkan kepercayaan agama dengan penyelidikan. Beliau melihat kepercayaan agama penting dalam sesuatu penelitian walaupun kadang kala berhujah menggunakan kepercayaan semata-mata tanpa didasari oleh logik akal serta bukti-bukti secara empirikal.

Bagi seorang penyelidik bukan Islam yang ingin membuat penyelidikan berkaitan Islam. Mereka mesti memahami segala konsep yang wujuddalamIslamterutamaberkaitanperkaraghaib.Sekiranyatidak, maka penyelidikan yang dibuat jelas berlawanan dengan agama Islam.

## Kedua: Kelayakan Urus Tadbir

Kelayakan urus tadbir (*ahliyyah al-ada'*) merupakan satu syarat bagi seorang mufti yang merujuk kepada kelayakan mereka sebagai seorang mukalaf (berakal dan baligh). *Ahliyyah al-ada'* merujuk kepada kelayakan seorang manusia untuk melaksanakan sesuatu perkara berkaitan syarak dan diterima oleh di sisi syarak ('Ali Hasballah, 1971: 357). 'Abd al-Karim Zaidan (2006: 94) menambah, seseorang yang memenuhi syarat *ahliyyah al-ada'*, segala perbuatannya akan diambil kira dan memberi kesan di sisi syarak daripada balasan baik atau buruk.

Syarat mukalaf ini boleh diaplikasikan kepada penyelidik yang menjalankan penyelidikan terutama penyelidik Muslim. Penyelidik Muslim yang menjalankan penyelidikan terutama dalam bidang Sains Kemasyarakatan mesti daripada kalangan seorang yang telah baligh dan berakal. Dengan kata lain, mereka mempunyai kelayakan bertindak yang sempurna mampu memahami perintah yang dituju kepadanya sehingga mereka dapat melaksanakan perintah tersebut (Wahbah al-Zuhayli, 1986:168; Husayn Tawfiq Rida, 1964:39; Hasan Hj. Ahmad 2002:144; Ahmad Hasan, 1993:281).

Al-Amidi (1967:115) menyimpulkan bahawa para ulama usul bersepakat bahawa syarat mukalaf adalah berakal dan memahami *khitab* syarak. Ini kerana *taklif* (pembebanan) adalah suatu tuntutan, maka mustahil bagi Allah SWT membebani orang yang tidak berakal dan tidak memahami. Bahkan seorang yang tidak mencapai tahap mukalaf ini diketepikan daripada menerima tanggungjawab atas perbuatan mereka (Abd al-Karim Zaidan 2006:69).

Rasulullah SAW bersabda,

عن عائشة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: رفع القلم عن ثلات  
عن النائم حتى يستيقظ وعن الصغير حتى يكبر وعن المجنون حتى  
يعقل أو يفيق.

*Daripada 'Aisyah daripada Rasulullah SAW bersabda:  
Digugurkan beban taklif itu atas tiga perkara; orang tidur  
sehingga bangun, anak kecil sampai besar (baligh) dan orang  
gila sehingga berakal atau sedar.*

(Riwayat al-Nasa'i, Hadith No. 3378)

Kelayakan bertindak yang sempurna diperlukan kerana kajian yang dilakukan biasanya berkait rapat kepada hubungan antara manusia dengan manusia. Falsafah penyelidikan sebenar adalah sebagai satu perkhidmatan kepada manusia sekeliling bagi menyelesaikan permasalahan semasa (Monette, Sullivan & DeJong, 2010:2; Babbie, 2012:17; Punch, 2013:4). Oleh itu, penyelidikan yang dijalankan akan membawa kesan terhadap masyarakat sekeliling sama ada secara positif atau negatif mengikut kepada ketepatan hasil yang diperoleh. Apabila sesuatu kajian yang dijalankan akan memberi kesan kepada masyarakat sekeliling dan mempunyai pengaruh kepada agama, seorang penyelidik mestilah daripada kalangan yang memiliki kelayakan bertindak yang sempurna.

Oleh yang demikian, penyelidik muslim yang tidak memenuhi kelayakan ini tidak layak menjalankan sesuatu penyelidikan kerana dia masih tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa yang diputuskan berdasarkan kepada syariat Islam. Sekiranya penyelidikan yang dilakukan membawa kepada kesan negatif, penyelidik perlu bertanggung jawab pada hasil kajian yang diperolehi dan diaplikasikan dalam masyarakat. Selain itu juga, seseorang penyelidik yang tidak memenuhi syarat berakal dan baligh ini kadang kala tidak dapat berfikir dengan sempurna. Kelemahan ini boleh membawa kepada kesilapan dalam memperolehi hasil dapatan daripada kajian yang dilaksanakan.

### **Ketiga: Adil dan Berakhlek Islam**

Syarat kelayakan ketiga bagi seorang mufti seperti yang dibincangkan sebelum ini adalah sifat adil. Adil bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya (al-Maturidi, Abu Mansur, 2001:193; Bachrul Ilmy, 2006:29; Mustafa Haji Daud, 1991:440). Dalam membicarakan tentang konsep keadilan dalam mengeluarkan fatwa, Qutb Mustafa Sanu (2000:280) menjelaskan keadilan seorang mufti ialah perlakuan jujur mereka dalam menyampaikan segala fatwa yang diputuskan. Kejujuran ini termasuklah dalam pemilihan dalil, kesahihan dan tidak cenderung kepada hawa nafsu. Mufti perlu melihat permasalahan yang diajukan kepadanya secara adil tanpa dipengaruhi oleh perkara-perkara luar yang boleh memberi kesan kepada fatwa yang akan dikeluarkan (al-Harrani, 1984:13). Al-Nawawi (1998:20) pula menambah, seorang yang dilantik menjadi mufti sedangkan dia merupakan seorang yang

fasik iaitu lawan kepada sifat adil, tidak diterima fatwanya. Kenyataan-kenyataan sebelum ini menunjukkan kepentingan adil dalam proses penfatwaan.

Jika diteliti konsep adil yang ditekankan oleh Islam kepada seorang mufti, konsep adil dalam Islam mempunyai sedikit persamaan dengan perbincangan tentang konsep objektiviti dalam kaedah penyelidikan lazim (Anis Malik Thoha, 2009:89). Kaedah penyelidikan lazim yang digunakan masa kini menekankan data penyelidikan yang dikumpulkan bersifat bebas nilai (*value-free*), neutral dan universal sehingga dapat menghasilkan satu kajian yang jitu (Khalif Muammar Harris, 2008:2). Oleh yang demikian, sesuatu penyelidikan perlu bebas dari pengaruh-pengaruh pemboleh ubah yang tidak berkaitan yang boleh menjelaskan hasil dapatan kajian. Antara pengaruh-pengaruhnya ialah pandangan peribadi pengkaji, sikap, nilai dan bias kepada mana-mana perkara tertentu (Kumar, 2002:16). Secara istilah kaedah penyelidikan lazim hari ini, penelitian sesuatu perkara dalam penyelidikan secara tepat dan teliti tanpa terkesan dengan pendapat peribadi pengkaji dan bias ini disebut sebagai objektiviti (Bhattacharyya, 2006:16; Gupta & Gupta, 2011:8; Sahu, 2013:26; Letherby, Scott & Williams, 2012:13; Jawaid Ahmad Khan, 2011:9).

Walaupun perbincangan antara konsep adil dan objektiviti mempunyai persamaan, namun kedua-dua konsep ini sebenarnya mempunyai perbezaan yang ketara. Neuman (2011:571) melihat penyelidik yang objektif ialah mereka yang bebas daripada segala pegangan dan kepercayaan ketika membuat penyelidikan. Secara tidak langsung, konsep objektiviti yang dinyatakan oleh sarjana Barat menolak pegangan agama ketika menjalankan penyelidikan. Hal ini berbeza dengan konsep adil dalam Islam yang menekankan penelitian secara telus dan sama rata terhadap sesuatu subjek tanpa meninggalkan konsep tauhid kepada Allah (Mona Abaza, 2006:83; Mohd Nuri Al-Amin Endut, Wan Suhaimi Wan Abdullah, & Zulqarnain Abu Bakar, 2012:398). Rentetan daripada itu, Mohd Syahmir Alias (2014:133) telah mencadangkan pendefinisian semula konsep objektiviti dengan berpandukan dengan konsep keadilan dalam Islam. Pengkaji Islam tidak perlu menggadaikan pegangan peribadi terutama dalam hal agama untuk bersikap objektif, tetapi bersikap adil dalam menyampaikan maklumat berkaitan penyelidikan.

Oleh yang demikian, setiap pengkaji Muslim perlu menekankan konsep keadilan dalam setiap pelaksanaan penyelidikan mereka. Hasil dapatan kajian berkaitan Islam atau orang Islam akan tetap selari dengan syariat Islam. Kajian-kajian yang dijalankan tidak terpengaruh dengan pendapat peribadi atau bias kepada mana-mana subjek kajian, tetapi meletakkan konsep ketauhidan dan agama Islam sebagai asas dalam setiap tindakan.

Selain itu, konsep adil dalam Islam juga merupakan gambaran kepada akhlak Islam yang perlu diterapkan dalam sesuatu perbuatan (Mohd Nasir Omar, 2005:113; Haron Din, 2007:86; Bachrul Imlly, 2006:38). Dalam menilai aplikasi syarat adil sebagai kriteria penyelidik Muslim, akhlak yang terpuji adalah keperluan dalam menjalankan sesuatu penyelidikan. Akhlak adalah sangat penting dalam Islam dan menjadi salah satu teras dalam agama Islam selain akidah dan ibadah (Asmawati Suhid, 2009:11; Muhammad Syukri Salleh, 2003).

Akhlek Islam yang menjadi syarat seorang mufti dalam menyelesaikan permasalahan melalui fatwa berbeza sama sekali dengan etika atau moral yang dibincangkan dalam kaedah penyelidikan lazim. Taofik Yusmansyah (2008:6) dan Haron Din (2007:17-19) membezakan antara akhlak Islam dengan moral berdasarkan beberapa perkara. Antara perbezaan tersebut ialah akhlak Islam adalah bersifat universal iaitu dapat diperlakukan oleh segenap lapis manusia, bersumberkan kepada Allah SWT pencipta manusia yang lebih mengetahui akan ciptaanNya, tidak melampau serta bersifat abadi iaitu tidak berubah mengikut tempat, suasana dan zaman. Manakala etika merupakan sistem tingkah laku manusia yang bersumberkan selain wahyu Allah SWT, iaitu hanya bersumberkan falsafah semata-mata (Haron Din, 2007:17).

Etika penyelidikan yang diutarakan oleh cendekiawan dalam kaedah penyelidikan lazim sememangnya tidak berpaksikan kepada agama sebagai asas. Etika tersebut hanya melihat aspek perlaksanaan sesuatu penyelidikan tanpa mengambil berat berkaitan akhlak penyelidik. Shahir Akram Hassan (2010:106) telah membuat perbandingan antara etika dengan akhlak Islam dalam penyelidikan beliau. Dalam pelaksanaan penyelidikan, Islam misalnya menekankan garis panduan yang teliti termasuklah berkaitan pergaulan antara lelaki dengan perempuan serta adab berpakaian yang tidak disentuh dalam etika penyelidikan.

Selain itu juga, dalam melakukan penyelidikan, seorang penyelidik Muslim perlu telus melakukan segala proses dalam penyelidikan sehingga proses menyampaikan hasil penyelidikan kepada masyarakat. Kejujuran amat penting untuk memastikan setiap fakta diambil daripada sumber yang dipercayai dan hasil penyelidikan yang diperoleh adalah tepat.

#### **Keempat: Kemampuan Menjalankan Penyelidikan**

Dalam pemilihan seorang mufti, seseorang adalah yang mencapai tahap mujtahid merupakan syarat kelayakan yang paling utama. Syarat yang ditetapkan adalah mujtahid iaitu seorang yang mampu untuk mengistinbatkan (mengeluarkan) hukum-hukum berkaitan syarak melalui penelitian terhadap dalil-dalil yang berkaitan ('Abd al-Karim Zaidan, 2006:317). Antara syarat diperlukan untuk seseorang mufti seperti perbincangan lalu adalah menguasai bahasa Arab, mengetahui kaedah *istinbat* dan ketiga mengetahui *maqasid syari'at*.

Tiga perkara yang dibincangkan di bawah syarat mujtahid ini dalam kelayakan mufti ini merujuk kepada kemampuan seorang mufti untuk melakukan proses *istinbat* hukum daripada sumber-sumber Islam. Bagi merealisasikan syarat mujtahid kepada penyelidik adalah sesuatu yang agak mustahil. Namun, syarat ini boleh dimurnikan agar dapat diaplikasikan sebagai kriteria seorang penyelidik terutama penyelidik Muslim. Ini kerana dalam sesuatu penyelidikan yang dijalankan, kemampuan untuk menyelesaikan dan menghasilkan satu penyelidikan yang tepat menggunakan strategi yang tepat adalah merupakan tujuan utama (McNabb, 2004:34).

Sumber rujukan dalil utama dalam penfatwaan dan penentuan hukum Islam adalah dalam bahasa Arab (al-Farmawi, 1977:19-20; Kassim Salleh, 1989:167; Abd al-Karim Zaidan, 2006). Oleh yang demikian, seseorang mufti perlu menguasai bahasa Arab secara menyeluruh bagi mengelakkan daripada kesilapan memahami teks asal dalil (Khalid Ramadan Hasan, 1998:276; 'Ali Hasaballah, 1971:94, Abdul Monir Yaacob & Wan Roslaili Abd Majid, 1998:57). Bagi memanfaatkannya kepada penyelidikan masa kini, seorang penyelidik perlu menguasai bahasa bacaan dalam penyelidikan. Keperluan menguasai bahasa adalah sangat penting agar tidak berlaku kesilapan

dalam memahami konteks sebenar isu atau permasalahan. Selain itu, kesilapan dalam memahami bahan bacaan juga akan membawa kesan negatif terhadap hasil kajian yang akan diperoleh. Sekiranya kajian yang dilakukan berkaitan dengan penentuan hukum, pengetahuan bahasa Arab adalah satu keperluan. Pemahaman bahasa Arab dapat membantu penyelidik merujuk dan memilih dalil-dalil yang tepat terutama al-Qur'an dan al-Sunnah serta tafsiran. Sekiranya tidak berkemampuan, bantuan penterjemah yang berkelayakan perlu digunakan agar pentafsiran yang dilakukan tidak bercanggah dengan maksud sebenar dalil-dalil tersebut.

Syarat kelayakan seterusnya untuk menjadi Mufti ialah mengetahui kaedah *istinbat*. Kaedah *istinbat* ini ialah kaedah untuk mengeluarkan hukum daripada dalil-dalil tertentu (Al-Jizani, Muhammad ibn Husain, 1427H:464). Bagi melaksanakan perkara tersebut, seseorang mufti perlu mempunyai kemampuan dalam kaedah *Usul al-Fiqh* kerana ilmu *Usul al-Fiqh* merupakan asas dalam berijtihad dan *istinbat* hukum (Abd al-Wahhab Khallaf 1995: 259). Bagi mengaplikasikan perkara ini kepada penyelidik Muslim, seseorang penyelidik perlu mempunyai kemahiran dalam kaedah penyelidikan yang digunakan semasa penyelidikan dijalankan. Kebolehan dan kemampuan seorang penyelidik dalam kaedah penyelidikan akan membantu perjalanan penyelidikan terutama ketika proses pengumpulan dan analisis data. Kemahiran tentang kaedah penyelidikan akan membawa hasil dapatan penyelidikan yang tepat. Selain itu, penyelidik Muslim juga perlu mengetahui ilmu *Usul al-Fiqh* sekiranya melaksanakan kajian-kajian berkaitan Islam terutama melibatkan perbincangan hukum dan penggunaan dalil-dalil syarak.

Seorang penyelidik Muslim juga perlu memiliki pengetahuan yang mendalam tentang *maqasid syari'ah*. Setiap hukum dalam Islam mempunyai tujuan pensyariatannya yang seiring dengan *maslahat* (kepentingan) umat Islam dan syariat Islam (Al-Yubi, 1998:36; al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar, 2004:17; Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain, 2007:34). Bagi seorang penyelidik Muslim, setelah hasil dapatan diperoleh, dapatan tersebut perlu dibandingkan dengan *maqasid syari'ah*. Hasil dapatan tersebut perlu diteliti agar laporan atau penyelidikan tersebut bersesuaian dengan subjek kajian dan tidak bercanggah dengan syariat Islam dan tata cara kehidupan setempat.

Kelemahan seorang penyelidik Muslim memahami *maqasid syari'ah* dengan baik berkemungkinan akan menyebabkan kajian tersebut mempunyai kebaikan kepada masyarakat namun tidak bertepatan dengan kehendak sebenar ajaran Islam atau sebaliknya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan, terdapat empat kriteria seorang penyelidik Muslim yang boleh diaplikasikan berdasarkan kepada kelayakan mufti. Pertama, beriman dan percaya sepenuhnya kepada ajaran Islam. Kedua, mempunyai kelayakan bertindak yang sempurna. Ketiga, adil dan mencerminkan akhlak Islam ketika menjalankan penyelidikan. Keempat, memiliki kekuatan dan kemampuan dalam bahasa, kaedah penyelidikan serta sentiasa bertunjangkan *maqasid syariah* dalam melaksanakan penyelidikan.

Sebagai satu idea baru untuk meletakkan satu kriteria penyelidik Muslim berdasarkan kriteria kelayakan mufti, perkara ini perlu diperhalusi dan dibincangkan secara lebih mendalam agar wujud satu kriteria khas penyelidik muslim mahupun penyelidik yang ingin membuat kajian berkaitan Islam. Perlaksanaannya diharap boleh menjamin ketepatan sesuatu penyelidikan berteraskan Islam dan mendapat ganjaran pada hari kemudian.

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abd al-Karim Zaidan. (1987). *Usul al-Da’wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- ‘Abd al-Karim Zaidan. (2006). *Al-Wajiz fil Usul Fiqh*. Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- ‘Abd al-Wahhab Khallaf. (1995). *Ilmu Usul Fiqh Wa Khalasah At-Tasyri’ Al-Islami*. Darul Fikir Al-Arabi.
- ‘Ali Hasballah. (1971). *Usul al-Tasyri’ al-Islami*. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- Abdul Latif Muda & Rosmawati Ali @ Mat Zain. (1997). *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Abdul Monir Yaacob & Wan Roslaili Abd Majid (1998). “Ijtihad, Mufti dan Internet” dlm. Abdul Monir Yaacob (ed.), *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*, Vol. 1. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abdul Muhaimin Mahmood (2010). “Fatwa Dalam Syariat Islam”, dalam *Majalah Sinar Rohani*. Mac-April 2/2010, bilangan 63. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- A-Hafnawi, Muhammad Ibrahim (1995). *Tabsir al-Nujaba’ bi Haqiqat al-ijtihad wa al-Taqlid wa al-Talfiq wa al-Ifta’*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ahmad Hasan (1993). *The Principles of Islamic Jurisprudence: Command of the Sharī‘ah and Juridical Norm*. Kuala Lumpur: Islamic Research Institute, International Islamic University.
- Ahmad Ibn Hamdan al-Harrani (1984), *Sifat al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*, Beirut: al-Maktab al-Islami, cet. 4.
- Al-Āmidī, Abū al-Hasan ‘Alī b. Abī ‘Alī b. Muhammad. (1983). *al-Ihkām fī Usūl al-ihkām*, Beirut, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, jld. 4.
- Al-Asyqar, Umar Sulaiman. (2004). *al-Futuha wa Manahij al-Ifta’*. Kuwait:Maktabah al-Manar al-Islamiah, cet. 1.

- Al-Barawi, Muhammad Sa'id Muhammad (2009). *Mazaliq al-Fatwa*. Kaherah: Dar al-Basa'ir.
- Al-Farmawi, Abd al-Hayy (1977). *al-Bidayat fi al-Tafsir al-Mawdu'i*, Kaherah: Matba'at al-Hadarat al-'Arabiyyah.
- Al-Faruqi, Isma'il Raji (2008). *Islam dan Kepercayaan Lain*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Al-Ghazali (2008). *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Jizani, Muhammad bin Husain Bin Hasan (1427H). *Ma'alim Ushul Al-Fiqh*. Madinah: Abu Muhammad Al-Najdi.
- Al-Khadimi, Nur al-Din Mukhtar (2006). *'Ilm al-Maqasid al-Syar'iyyat*. Riyadh. Maktabat 'Ubaikan.
- Al-Khatib al-Baghdadi, Ahmad b. 'Alī b. Thābit. (1996). *al-Faqih wa al-mutafaqqih*, Tahqiq, 'Adil b. Yusuf, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Saudiyyah, Dār Ibn al-Jawzi, jld.2.
- Al-Maturidi, Abu Mansur (2001). *Kitab al-Tawhid*. Beirut: Dar Sadir.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. (1998). *Adab al-Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*. Kaherah: Muassasah al-Ahram li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Suyuti (1983). *Al-Rad 'Ala Man Akhlada fi al-Ard*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Yubi, Muhammad Sa'ad ibn Ahmad (1998). *Maqasid al-Syari'at al-Islamiyyat*. Riyadh: Dar al-Hijrat li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- al-Zarkashi, Muhammad ibn Bahadur (2000). *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Anis Malik Thoha (2009). "Research Note: Objectivity and the Scientific Study of Religion", *Intellectual Discourse* 17 (1), hlm. 83-92.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Cet. 1.
- Babbie, Earl (2012). *The Practice of Social Research*. Belmont: Cengage Learning.
- Bachrul Ilmy (2006). *Pendidikan Agama Islam*. Jakarta: PT Grafindo Media Pratama.
- Bhattacharyya, Dipak Kumar. (2006). *Research Methodology, 2<sup>nd</sup> Edition*. New Delhi: Excel Books.
- Bill Taylor, Gautam Sinha & Taposh Ghoshal. (2008). *Research Methodology: A Guide For Researchers In Management And Social Sciences*. Delhi: Prentice-Hall of India Private Limited.
- Bruce L. Berg. (2009). *Qualitative Research Methods for the Social Sciences, 7th Ed*. Boston: Pearson Education.
- Chava Frankfort-Nachmias & David Nachmias. (1992). *Research Methods in the Social Sciences*. 4<sup>th</sup> Edition. Great Britain: Edward Arnold.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Malaysia: McGraw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Daud Rasyid. (1998). *Islam Dalam Berbagai Dimensi*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2008). *Muassasah al-Ifta' fi al-Mujtama' al-Malizi: Dirasah Tahliliyyah Midaniyyah*. Nilai: Bandar Baru Bangi. Cet. 1.
- Gupta, Mukul & Gupta, Deepa (2011). *Research Methodology*. New Delhi: PHI Learning Pvt. Ltd.
- Hailani Mujir Tahir. (1998). *Isu syariah dan undang-undang*. Bangi: Pusat Teknologi Pendidikan UKM. Siri 4.
- Haron Din. (2007). *Islam: Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Hasan Hj. Ahmad (2002). *Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abd. Majid.

- Husain Muhammad al-Mallah. (2006). *al-Fatwa: Nash’atuha Wa Tatawwuruha Usuluha Wa Tatbiqatuha*. Beirut: Maktabah ‘Asriyyah.
- Husayn Muhammad al-Mallah (2006). *al-Fatwa: Nasy’atuha wa Tatawwuruha Usuluha wa Tatbiqatuha*. Beirut: Maktabat ‘Asriyyat.
- Ḩusayn Tawfīq Rīdā (1964). *Aḥliyyat al-‘Uqubat fi al-Syari‘at al-Islamiyyat wa al-Qanun al-Muqaran*. Kaherah: Dār Maṭābi‘ al-Sha‘b.
- Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin ibn ‘Umar (2000). Hashiyat Ibn ‘Abidin: Radd al-Mukhtar ‘Ala al-Durr al-Mukhtar. Damsyik: Dar al-Thaqafah wa al-Turath.
- Ibn al-Salah (2002). *Adab al-Mufti wa al-Musttafi*. Beirut: Maktabah al-’Ulum wa al-Hikam
- Ibn al-Humam, Muhammad ibn `Abd al-Wahid (1932). *al-Tahrir fi Usul al-Fiqh: al-Jami` Bayna Istilahi al-Hanafiyah wa-al-Syafi`iyah*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi
- Ibn Nujaim, Zayn al-Din ibn Ibrahim (2002). *Al-Bahr al-Raiq Syarh Kanz al-Daqaiq*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-’Arabi, 2002
- Ibn Qudamah (1993). *Raudah al-Nazir*. Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Ishak Mad Shah. (2003). *Pengenalan Psikologi Industri & Organisasi*. Johor Bharu: Penerbit UTM, cet. 2.
- Jawaid Ahmad Khan (2011). *Research Methodology*. New Delhi: APH Publishing.
- Kassim Salleh (1989). *Ijtihad Sejarah Dan Perkembangannya*. Kajang: Penerbit Al- Rahmaniah.
- Khalid Ramadan Hasan. (1998). *Mu’jam Usul al-Fiqh*. Qahirah: Dar al-Tarabisyi.
- Khalif Muammar Harris (2008). “Objektiviti Menurut Perspektif Islam”, kertas kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Pengurusan Pembangunan Islam II: Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam* anjuran bersama Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 6 Februari 2008. Tidak diterbitkan.

- Letherby, Gayle; Scott, John & Williams, Malcolm (2012). *Objectivity and Subjectivity in Social Research*. London: SAGE Pub. Ltd.
- Mohd Nuri Al-Amin Endut, Wan Suhaimi Wan Abdullah, & Zulqarnain Abu Bakar (2012). "The Islamic Element of Al-'Adl in Critical Thinking: the Perception of Muslim Engineering Undergraduates in Malaysia", dalam *International Journal of Social, Human Science and Engineering*, vol. 6, no. 10, 2012, hlm 398-404. World Academy of Science, Engineering and Technology.
- Mohd Syahmir Alias (2014). *Konsep Saintifik Dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Analisis Pemikiran Ibn al-Haytham*. Disertasi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd. Nasir Omar (2005). *Akhlik dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mona Abaza (2006). *Debates on Islam and Knowledge in Malaysia and Egypt: Shifting Worlds*. Oxon: Routledge.
- Monette, Duane; Sullivan, Thomas; DeJong, Cornell (2010). *Applied Social Research: A Tool for the Human Services*. Belmont: Cengage Learning.
- Muhammad Syukri Salleh. (2003). *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Editions Sdn Bhd.
- Mustafa Hj. Daud (1991). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Neuman, William Lawrence (2011). *Basics of Social Research: Qualitative and Quantitative Approaches*. Delhi: Prentice-Hall.
- Oliver, Paul. (2010). *The Student's Guide To Research Ethics*. Berkshire: Open University Press
- Punch, Keith F (2013). *Introduction to Social Research: Quantitative and Qualitative Approaches*. London: SAGE.

- Qadi Khan, al-Hasan ibn Mansur al-Uzjandi al-Farghani (2002). *al-Fatawa al-Hindiyah fi Madhab al-Imam al-A'zam Abi Hanifah al-Nu'man*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Qutb Mustafa Sanu. (2000). *Mujam Mustalahat Usul al-Fiqh*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Rosli Mokhtar dan Mohd Fikri Che Hussain (2007). *Maqasid al-Syari'ah: Hikmah di Sebalik Pensyariatan*. Shah Alam: Karya Bestari. Cet. 1.
- Sahu, Pradip Kumar (2013). *Research Methodology: A Guide for Researchers In Agricultural Science, Social Science and Other Related Fields*. New Delhi: Springer.
- Shahir Akram Hassan. (2010). *Kaedah Pengumpulan Hadith: Satu Kaedah Pengumpulan Data*. Disertasi Ijazah Sarjana sains Kemasyarakatan (Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.
- Taofik Yusmansyah. (2008). *Aqidah Akhlaq* Bandung: Penerbit Grafindo Media Pratama.
- Wahbah al-Zuhaili. (2001). *Usul Fiqh al-Islami*. Beirut. Dar al-Fikr al-Maasir. Jilid 2.
- Wayne Goddard dan Stuart Melville. (2004). *Research Methodology: An Introduction*. Research Methodology: An Introduction. Lansdowne; Juta & Co. ltd.
- Willer, Judith Abel (1970). *A Theoretical Study of Magic, Science and Religion*. Kansas: University of Kansas.